

MAS akan disusun semula

UM 2 MARCH 1979

KUALA LUMPUR 23 Mac — Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) akan disusun semula bagi memastikan perkhidmatannya berjalan lancar dan teratur, kata **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun menerangkan penyusunan semula ini akan dikaji terlebih dahulu sebelum diambil langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakannya.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Seminar Penerangan UMNO Malaysia selama dua hari di sini, beliau menegaskan kajian itu dijangka akan mengambil masa yang agak panjang untuk meneliti setiap perkembangannya.

Beliau berkata pihaknya kini sedang menumpukan perhatian terhadap perkembangan perkhidmatan pesawat MAS yang ada sekarang supaya ia berjalan dengan lancar baik penerbangan dalam negeri mahu pun luar negeri.

Menjawab satu pertanyaan Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pada masa ini penerbangan di laluan lama (old routes) tidak dapat diadakan kerana perkara itu bergantung kepada sikap Persekutuan Kakitangan Syarikat Pengangkutan Antarabangsa (ITF) yang telah memulaukan penerbangan MAS.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengemukakan sikap pemimpin ITF, Herold Lewis yang tidak mengendahkan kawat dari AEU supaya memberhentikan pemuluan itu.

"Mereka suka melihat penerbangan MAS lumpuh dan mereka tidak peduli tentang nasib pekerja-pekerja MAS," katanya.

OLEH SYED OMAR

Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan mana-mana pihak yang cuba menimbulkan

masalah dalam pertikaian MAS samalah seperti "bermain dengan api."

Katanya, mereka ini telah menghasut supaya memulaukan penerbangan MAS, dan mereka gagal untuk memberhentikan-nya.

"Kita mesti memikirkan masalah kita sendiri sebelum membuat satu-satu tindakan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata adalah menjadi tanggungjawab ITF untuk menyelesaikan pergolakan yang wujud sekarang kerana ianya yang memulaukan pergolakan tersebut.

Katanya, kesan dari tindakan ITF itu sekarang ialah pengangguran di kalangan para pekerja MAS.

"Sekiranya berlaku pengangguran itu, ITF lah yang harus dipersalahkan dan bukannya kita."

Timbalan Perdana Menteri menambah, keputusan yang diambil oleh para pekerja yang terlibat itu hanya akan merugikan mereka sahaja dan bukannya pihak ITF.

"Kita tidak boleh membandingkan tuntutan gaji dengan para pekerja penerbangan di negara-negara Eropah kerana Eropah dan Asia adalah berbeza.

"ITF lebih suka melihat kejatuhan MAS dengan sebab itu katanya para pekerja kita harus sedar tindak tanduk mereka itu hanya akan merugikan mereka sendiri," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga membidas sikap para pekerja MAS yang melibatkan diri dalam tuntutan itu bahawa mereka sepatutnya bertindak secara peraturan.

Beliau menegaskan bahawa segala rasa tidak puas hati terhadap pihak kerajaan sepatutnya dibuat apabila menjelang pilihanraya yang akan datang dan bukannya bertindak seperti apa yang dilakukan sekarang ini.